

Malam Festival 'CEFR' 2018 Peringkat W.P.Labuan



Labuan, 14 November – Seramai 91 orang guru Bahasa Inggeris termasuk Guru Besar dan Guru-guru Penolong Kanan yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Rendah di Labuan telah mengikuti '*Common European Framework Of Reference For Languages*' (CEFR) Festival 2018 di Hotel Lazenda Labuan.

Festival ini merupakan satu program penguatkuasaan CEFR khusus untuk guru-guru Bahasa Inggeris Sekolah Rendah di Labuan melalui perkongsian amalan pedagogi Bahasa Inggeris Tahap 1 yang terbaik, aktiviti CEFR '*Gallery Walk*', aktiviti CEFR '*Parking Lot*' dan permainan CEFR *Kahoot*.

CEFR merupakan skala penilaian yang direka khas bagi menggambarkan kecekapan dan penguasaan bahasa seseorang termasuk Bahasa Inggeris. CEFR menetapkan enam tahap

penguasaan Bahasa Inggeris iaitu A1: 'Beginner', A2 : 'Elementary', B1 : 'Intermediate', B2 : 'Upper Intermediate', C1 : 'Advanced' & C2 : 'Proficient'.

Di Labuan, program CEFR telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2017, bagi prasekolah, murid Tahun 1 dan 2 bagi sekolah rendah dan Tingkatan 1 bagi sekolah menengah. Guru-guru di Labuan telah berusaha melaksanakan CEFR ini dengan sebaik mungkin. Keupayaan murid-murid di Labuan dalam menguasai Bahasa Inggeris telah berjaya ditingkatkan.



Di malam festival 'CEFR' yang bertemakan '*fairytale*' ini, seramai 3 orang guru telah membentangkan dan berkongsi amalan terbaik mereka iaitu Puan Angeline Leong dari SK Kerupang, Puan Alice Anthony dari SKK SK Ranche-Ranche dan Cik Sim Ming Xia dari SJKC Chung Hwa.

Selain itu, peserta turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Encik Charlie Ginsin dari SJKC Chung Hwa, Puan Subety Elooi dari SK Kerupang dan Encik Shawal Abdul Rahman dari SK Pekan Satu.

Festival CEFR 2018 ini telah dirasmikan oleh Encik Raisin

Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan.

Di dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada Sektor Pengurusan Akademik di atas penganjuran festival CEFR ini yang dilihat berjaya membugarkan semula kefahaman guru-guru Bahasa Inggeris Sekolah Rendah di Labuan agar mereka boleh melaksanakan program CEFR ini dengan lebih yakin dan cemerlang pada tahun 2019 dan tahun-tahun berikutnya.



Anugerah Teknologi Pendidikan 2018 Hargai Inisiatif ICT dan Media



Labuan, 8 Nov – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri telah mengadakan Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan 2018 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di BTPN Labuan, hari ini.

Majlis yang berlangsung sederhana tetapi meriah itu bertujuan memberikan pengiktirafan kepada murid, guru dan juruteknik komputer sekolah dalam menghargai inisiatif ICT dan media pendidikan di Labuan.

Majlis telah disempurnakan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapan perasmian, beliau menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada para pemenang,

Penggunaan ICT dan sumber yang tepat amat penting dalam menuju era Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan kita membuat keputusan dengan pantas.

Sudah tentulah peranan utama ini dimainkan oleh Guru Penyelaras Bestari/ICT, Guru Data, Guru Penyelaras Media dan Juruteknik Komputer dalam membantu guru serta murid melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran

berbantuan ICT di sekolah dengan sokongan padu daripada pentadbir sekolah.



Encik Raisin bin Saidin menyampaikan sijil penghargaan kepada guru SMK Pantai Puan Baexi

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Encik Ag Marten Abdul Rahman mengucapkan terima kasih kepada semua jawatankuasa pelaksana, warga sekolah yang terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan 2018.

Untuk rekod, Sebanyak 24 anugerah teknologi pendidikan dan ICT melibatkan kategori sekolah rendah dan menengah telah disampaikan pada majlis tersebut.

Antara anugerah 2018 yang disampaikan ialah anugerah Guru Penyelaras Bestari/ICT Terbaik, Guru Data Terbaik, Guru Perpustakaan Media Terbaik, Juruteknik Komputer Terbaik, Pengurusan ICT Sekolah Terbaik, Anugerah Nilam, Penggunaan VLE Terbaik kategori sekolah, guru dan murid serta Laman Web Sekolah Terbaik.



Guru Besar SK Pekan Dua, Encik Jaafar menerima sijil kemenangan daripada Encik Raisin Saidin

Pelajar Tingkatan 4 SMK Labuan Rafieq Rafizie Nur Sha S Roslee mencipta sejarah tersendiri apabila muncul johan Pertandingan Cabaran Keselamatan Siber Nasional (Cakna) 2018.

Penyelaras Majlis, Encik Jeeva Reani, Bahagian Teknologi Pendidikan WP Labuan.

Turut hadir, Puan Hjh Siti Muslihah Hj Leeudin, Pengarah Kolej Vokasional Labuan, Encik Samsudin Yalla, Ketua Sektor Pengurusan Maklumat, Jabatan Pendidikan WP Labuan, Para Pengetua dan Guru Besar.



Pengetua Encik Ismail bersama para pemenang dari SMK Labuan



Gimik Perasmian Anugerah Teknologi Pendidikan 2018, disempurnakan oleh Encik Raisin Saidin

SISC+ dari W.P.Labuan Mendapat Anugerah Perak Di Konvensyen SIPartners+ Dan SISC+ Peringkat Kebangsaan



KAJIAN Amalan Terbaik SISC+ dari W.P.Labuan yang bertajuk '*Meningkatkan Tahap Profesionalisme Guru DiBimbing (GDB) Melalui Kajian Tindakan Dengan Menggunakan Borang 12 Langkah*' telah dipilih untuk menerima Anugerah Perak di Konvensyen SIPartners+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2018 di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan.

Konvensyen yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu platform melalui perkongsian amalan

terbaik bagi meningkatkan kemahiran SIPartners+ dan SISC+ serta untuk menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan SIPartners+ dan SISC+ dalam memartabatkan kerjaya masing-masing.



Dari kiri Yusuf Mohamad (SIPartners+), Mohd Nizam Yasim (Koordinator DTP Labuan), Norismah Ab Moin (Pengurus Program DTP Labuan), Suriani Alland Rice Oxley (SISC+) dan Pgn Abdul Kadir bin Pgn Budin, (SISC+)

Sebanyak 31 kertas kajian amalan terbaik telah dibentangkan oleh wakil setiap negeri bagi kategori SIPartners+ dan SISC+ dihadapan lebih dari 300 orang peserta konvensyen. Pasukan dari Wilayah Persekutuan Labuan telah diwakili oleh Norismah Ab Moin (Pengurus Program DTP Labuan), Mohd Nizam Yasim (Koordinator DTP Labuan), Yusuf Mohamad (SIPartners+), Pgn Abdul Kadir bin Pgn Budin, (SISC+) dan Suriani Alland Rice Oxley (SISC+).

Di dalam konvensyen ini, bagi kategori SISC+, wakil

pembentang SISC+ Labuan, Suriani Alland Rice Oxley telah berjaya mendapat Anugerah Perak manakala Anugerah Emas pula dimenangi oleh wakil SISC+ dari PPD Kulai, Johor dan Anugerah Gangsa dari PPD Marang, Terengganu. Sementara itu, bagi kategori SIPartners+ pula, Anugerah Emas telah dimenangi oleh wakil pembentang dari PPD Sarikei, Sarawak, Anugerah Perak oleh wakil PPD Kota Kinabalu, Sabah dan Anugerah Gangsa dari PPD Segamat, Johor. Majlis Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr. Amin Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.



Dari kiri, YBhg Datuk Dr. Amin Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (no.5) bersama pemenang Anugerah Emas SISC+ dari PPD Kulai, Johor (no.1&2), pemenang Anugerah Emas SIPartners+ dari PPD Sarikei, Sarawak (no.3), pemenang Anugerah Perak SISC+ dari W.P.Labuan (no.6), pemenang Anugerah Perak SIPartners+ dari PPD Kota Kinabalu, Sabah (no.7), pemenang Anugerah Gangsa SISC+ dari PPD Marang, Terengganu (no.8), pemenang Anugerah

Gangsa SIPartner+ dari PPD Segamat, Johor (no.9) di Konvensyen SIPartner+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan.

Perhimpunan Bulanan JPWPL, Oktober 2018 : Ciri Utama Pemimpin Sekolah Abad ke-21



Labuan, 23 Okt – 10 ciri utama yang perlu ada dalam diri pemimpin sekolah abad ke-21, demikian intipati utama ucapan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin pada perhimpunan bulanan JPWPL bulan Oktober 2018, hari ini di BTPN.

Sepuluh ciri utama tersebut ialah :

1. Kejujuran dan integriti.
2. Inteligent (cerdik pandai).
3. Keupayaan untuk mengupayakan orang lain.
4. Mendengar suara-suara semua pihak (termasuk guru, ibu bapa dan pkp)
5. Pendekatan turun padang.
6. Mempunyai aura positif.
7. Pengetua Guru Besar perlu tahu watak guru-gurunya dan guru-gurunya perlu mengenali murid-muridnya. Pengetua Guru Besar perlu menunjukkan pendekatan yang positif dengan warga sekolah dan ibu bapa.
8. Keyakinan yang tinggi. Pengetua Guru Besar perlu menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi dan boleh didekati.
9. Mempamerkan komitmen tulen sebagai penggerak kepada warga sekolah terutama guru-guru dan murid-murid.
10. Bersedia untuk sentiasa belajar benda baharu yang boleh membawa perubahan yang positif kepada sekolah.

Majlis diserikan lagi dengan perkongsian ilmu daripada Guru Besar SJK(C) Chung Hwa, Puan Yong Kui Chin yang membawa tajuk 'Bagaimana menjadi seorang guru yang disenangi dan disayangi oleh murid ?'.

Seterusnya persembahan nyanyian Lagu Sekolah, meraikan kenaikan pangkat pegawai dan staf, penyampaian sijil anugerah, *staff of the month* dan sambutan hari jadi kepada warga pendidikan Labuan.



Penghargaan kepada Puan Yong GB SJK(C) Chung Hwa atas perkongsian ilmu

Program Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) : Perkongsian Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Terbaik Melalui Kajian Tindakan dan Inovasi.



Labuan, 22 Oktober – SERAMAI 20 orang ahli rombongan termasuk Ketua Sektor Jaminan Kualiti, 3 orang School Improvement Specialist Coaches (SISC+), 11 orang guru dan 5 orang staf sokongan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan telah mengadakan Program Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) : Perkongsian Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Terbaik Melalui Kajian Tindakan dan Inovasi, di 4 buah sekolah rendah di Sabah pada 15 – 19 Oktober 2018 yang lepas.

4 buah sekolah yang terlibat ialah SK Tinangol di daerah Kudat, SK Pekan Beaufort dan SK ST. Patrick, Membakut di daerah Beaufort dan SK Sangkabok, Menumbok di daerah Kuala Penyu. Selain itu, ahli rombongan juga turut mengadakan lawatan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kudat dan Beaufort, Sabah.



Fatin Raihana sedang menerangkan inovasinya kepada murid-murid di SK Pekan Beaufort

Program PLC ini merupakan satu program khusus untuk guru-guru inovatif di Labuan bagi berkongsi amalan pedagogi terbaik mereka yang dilaksanakan melalui penghasilan alat dan bahan inovatif kepada rakan-rakan guru di Sabah. Ini adalah kerana pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme guru-guru inovatif di Labuan perlu berkembang selaras dengan perubahan pesat bidang pendidikan dan gelombang globalisasi.

Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) akan membantu membangunkan kompetensi dan potensi guru-guru inovatif di Labuan ke arah peningkatan kualiti peribadi dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Pengalaman pembelajaran melalui penglibatan guru-guru ini secara formal dan tidak formal dalam aktiviti keilmuan di sepanjang kerjaya mereka akan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai serta ciri-ciri lain bagi meningkatkan kualiti pendidikan abad ke-21 khususnya di Labuan.



Suriani Oxley sedang menerangkan inovasinya kepada murid murid di SK ST Patrick Membakut

Konsep pelaksanaan program ini terbahagi kepada dua iaitu Karnival Inovasi Bersama Murid-Murid dan Sesi Perkongsian Guru bersama guru-guru sekolah yang dilawati. Karnival Inovasi Bersama Murid-Murid merupakan aktiviti pameran alat dan bahan inovatif yang dihasilkan oleh guru-guru inovatif Labuan. Manakala, Sesi Perkongsian Guru pula merupakan aktiviti pembentangan perkongsian mengenai alat atau bahan inovatif yang dihasilkan dan impaknya terhadap kemenjadian murid-murid.

Menurut Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Puan Khaziyati binti Osman, PLC seperti ini membantu meningkatkan kualiti dan amalan PdP guru-guru inovatif di Labuan, menyediakan peluang perkongsian ilmu, kepakaran dan kerjasama dalam kalangan guru-guru serta mewujudkan semangat kerja berpasukan. PLC seperti ini juga dapat mengindoktrinkan pemikiran guru-guru inovatif sebagai pengurus mata pelajaran yang pakar untuk membantu dan memberikan bimbingan kepada guru-guru yang lain bagi menzahirkan jati diri mereka sebagai pemimpin instruksional.



Guru daripada Labuan International School sedang menerangkan inovasi mereka kepada murid murid

Karnival Borneo Badudun Memperkasa Peranan PIBK



Labuan, 21 Okt : Karnival Borneo Badudun Memperkasa Peranan Kumpulan Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) Dalam Pembangunan Akademik dan Sahsiah Murid 2018 melambangkan penyatuan erat antara PIBG dan warga sekolah.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan Encik Raisin Saidin berkata, program itu bertepatan dengan anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu, bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti secara meluas.

Karnival ini mampu melahirkan komuniti yang bersatupadu dan bekerjasama tanpa mengira apa jua agama dan kaum.

Usaha ini dapat menyampaikan mesej penting kepada umum bahawa semua pihak sama ada yang terlibat dalam bidang pendidikan mahupun masyarakat di segenap lapisan.

"Permuafakatan sebegini menunjukkan kepada kita bahawa anjakan ke-9 sudah mula mendarah daging di jiwa masyarakat di Labuan demi memperkasa PIBK dalam pembangunan akademik dan sahsiah murid seterusnya ke arah kemenjadian murid yang semakin menyerlah di Labuan ini," katanya semasa merasmikan program itu di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, petang Ahad.

Karnival yang berlangsung selama sehari itu diisi dengan pelbagai acara antaranya Kupa-kupa Santai PIBK, Sesi Dialog dan Forum, Pertandingan Gubahan, Pertandingan Menumpah Ambuyat, Sukaneka, Pesta Pantai, Persembahan rendah dan menengah.

Simposium Kepimpinan Kreatif WP Labuan 2018



Labuan, 20 Okt : Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Simposium Kepimpinan Kreatif Wilayah Persekutuan Labuan, hari ini bertempat di salah sebuah hotel di sini.

Simposium tahun 2018 adalah platform perkongsian

pemikiran inkuiri yang menjana tingkahlaku menyelidik dan berkreativiti, kesinambungan kepada Wacan Kepimpinan Pengurusan Pendidikan yang telah diadakan setiap tahun sejak 2009.

Program pada kali membincangkan topik forum 'Memimpin Kreatif untuk masa depan' serta bicara profesional Melangkah Ke Hadapan.

Panel Jemputan ialah Dr Marzita Abu Bakar, Ketua Pusat Pembangunan Dasar & Inovasi Organisasi IAB, KPM, Prof. Madya Dr Balan Rathakrishnan dari Universiti Malaysia Sabah dan Dr Zamhar Iswandono bin Awang Ismail dari Universiti Malaysia Sabah Kampus Labuan bertindak sebagai moderator Forum.



Forum 'Memimpin Kreatif untuk masa depan'

Bagi mengupas Bicara Profesional : Melangkah Ke hadapan, penceramah jemputan Encik Muddin bin Betting, Ketua Penolong Pengarah Sektor Dasar Keguruan, BPG, KPM.

Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Labuan, Encik Raisin Saidin mengharapkan agar pemimpin pendidikan yang hadir pada hari ini terutama Pengetua, Guru Besar dan

Penolong Kanan dapat mencetuskan perubahan serta mempengaruhi para guru dalam melangkah ke hadapan bagi meningkatkan kualiti sekolah dan kualiti kemenjadian murid selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Program Pembangunan Majalah Sekolah Digital 2018 (E-Majalah) Peringkat W.P Labuan



Labuan, 16 Okt – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri telah mengadakan Program Pembangunan Majalah Sekolah Digital 2018 (eMajalah 2018) peringkat WP Labuan, hari ini.

Program ini merupakan inisiatif SKMM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Teknologi Pendidikan di bawah inisiatif Komuniti Pintar dengan objektif untuk memberi pendedahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada pelajar dan guru dan untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi melalui penerbitan digital.

Seramai 54 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri dari kalangan guru dan murid-murid sekolah di Labuan.



Peserta sedang berusaha membina E-Majalah sekolah dibantu oleh Fasilitator

Selain meningkatkan tahap kemahiran dan pembudayaan ICT di kalangan pelajar dan guru, program ini juga dapat

mengurangkan kos percetakan untuk majalah tahunan sekolah bagi menyokong inisiatif hijau dengan meminimumkan penggunaan kertas.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Encik Samsudin bin Yalla, Ketua Sektor Pengurusan Maklumat, Jabatan Pendidikan W.P Labuan.

Dalam ucapannya, beliau berharap agar peserta bengkel dapat meneruskan usaha bagi menghasilkan E-Majalah sekolah yang menarik dan dapat memanfaatkan ilmu yang telah diperolehi semasa menghadiri bengkel pada hari ini.

Semoga semua murid yang hadir hari ini dapat menimba ilmu dalam bidang ICT, mencipta inovasi dan kreativiti, seterusnya menjadikan ICT sebagai bidang kerjaya khususnya sebagai Pembangun Sistem Aplikasi dan Web suatu hari nanti.

Manakala, guru pula memainkan peranan penting sebagai pembimbing dan pendorong kepada murid yang berminat dalam bidang ICT di sekolah.



Ucapan Perasmian Penutupan oleh Encik Samsudin Yalla

Turut hadir, Puan Suhaila Jaafar, Timbalan Pengarah SKMM Pejabat Wilayah Sabah dan Encik Sau'din Sulong, General Manager Konsultan Universiti Malaysia Pahang.

Dalam bengkel tersebut juga telah diadakan mini pertandingan E-Majalah yang terbaik dihasilkan oleh sekolah-sekolah.

Penilaian telah dibuat oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Johan disandang oleh peserta dari Sk Membedai, naib johan SMK Lajau dan tempat ketiga SMK Taman Perumahan Bedaun.

Syabas dan tahniah diucapkan !



Johan dari Sk Membedai

SKK St Anne Anjur Karnival SMathen 2018, Beri Impak Besar Kepada Peserta



LABUAN: Karnival Sains, Matematik dan English (SMathen) Peringkat Kebangsaan 2018 yang diadakan di sini memberikan impak yang sangat besar kepada peserta.

“Ia memberikan para peserta untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari, lebih dinamik, berkebolehan dan memiliki perspektif yang lebih baik dalam kehidupan,” kata Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan Encik Raisin Saidin pada Majlis penutupan karnival itu di Dewan Serbaguna Blessed Sacrament, di sini pada Sabtu.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan Kementerian Pelajaran Malaysia, Encik Shamsuddin Mustapha.

Encik Raisin Saidin berkata peserta juga dapat mengembangkan lagi minat dan potensi diri mereka melalui Karnival SMathen itu.

“Kalau sebelum ini anak-anak belum pernah menggunakan Robot VEX, GMATH dan menyelesaikan permainan Bahasa

Inggeris menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi maka di sinilah kemampuan diri dikembangkan lagi," katanya.

Tambahnya, ia akan seterusnya menjurus ke arah kemenjadian diri mereka dan mampu bersaing dalam era globalisasi yang semakin kompetitif.

Selain itu, karnival itu dapat memperkenalkan Labuan khususnya dalam sektor pelancongan kepada para peserta yang datang dari luar Labuan mengenai tempat-tempat menarik yang ada di sini untuk dilawati.

Encik Raisin Saidin juga bangga kerana karnival itu adalah satusatunya dianjurkan di Labuan yang mengadakan program anak angkat untuk peserta dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mampu merapatkan tali silaturahim serta bertukar pengetahuan tentang kebudayaan masyarakat di sini.

Karnival SMathen kali ini memasuki edisi ketiga yang mana, ia pertama kali diadakan di Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) Sekolah Kebangsaan (SK) St Anne Labuan.

Antara pengisian karnival selama tiga itu adalah 'Bengkel Genius Mathematics', Bengkel 'VEX Robotic Ringmaster', pertandingan matematik dan lain-lain lagi.

Turut hadir, Pengetua SKK SK St Anne Shim Ching Teo, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan Zainal Madasin serta Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Labuan Hazan Dahari.

SMK Labuan, Kem Cerdik Cukai Kebangsaan 2018



Labuan, 11 Okt – Pendidikan mengenai cukai perlu ditanam kepada semua masyarakat di negara ini terutama golongan muda dan belia sebagai landasan terbaik kepada mereka menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab dan menyemai semangat patriotik cintakan tanah air.

Lembaga Hasil Dalam Negeri bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan Kem Cerdik Cukai (KCC) 2018 bertempat di Akademi Percukaian Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 30 September hingga 5 Oktober 2018.

Dengan tema Pendidikan Percukaian, Ilmu Seumur Hidup, KCC 2018 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Ir Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia.

KCC merupakan aktiviti yang memberikan pendidikan awal percukaian kepada murid-murid Tingkatan 6 sebelum mereka

menempuh alam pekerjaan, di samping meningkatkan kefahaman dan kemahiran asas percukaian yang bertepatan dengan persekitaran masa kini demi menerapkan sikap yang perlu diteladani untuk menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab dan berintegriti.

Melalui program ini, terdapat banyak aktiviti yang dilakukan termasuk Taxplore Race iaitu aktiviti dalam bentuk Explorace bertemakan percukaian serta simulasi e-Filing.

Namun pelajar bukan sahaja didedahkan berkaitan dengan percukaian semata-mata tetapi diberikan ceramah motivasi yang boleh digunakan untuk memantapkan motivasi bagi meningkatkan pencapaian dalam pelajaran.

Terdapat juga slot yang memberikan pendedahan kepada pelajar cara untuk mengisi permohonan untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah yang disampaikan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar.

Pihak Majlis Peperiksaan Malaysia juga memberikan pendedahan kepada pelajar cara untuk meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan STPM khususnya untuk subjek Pengajian Am.

Pelajar juga diberikan pendedahan cara untuk mengurus kewangan melalui slot 'Menggapai Pelangi'.

Dr Farah Hani Imran, pakar bedah plastik (bekas ratu gimrama negara), Encik Ahmad Badrul Sani, Personaliti TV Al-Hijrah dan Encik Mohd Sukur Ibrahim seorang usahawan OKU juga berkongsi pengalaman bagi memberi motivasi kepada peserta KCC.

Penyertaan Keseluruhan, 43 buah sekolah yang terpilih setiap negeri di seluruh negara melibatkan 159 pelajar dan 40 guru pengiring.

Labuan tidak ketinggalan dengan menghantar 8 orang peserta yang terdiri dari pelajar Tingkatan 6 Bawah SMK Labuan dan 2 orang guru pengiring iaitu Encik Mazri Mohamed Yunus dan Puan Evelyn Modiun.